

Amanat Pengurusan Risda

Amanat Pengurusan RISDA Tahun 2004

Tema: "Menjana Sumber Kekayaan Baru Bagi Pekebun Kecil"

Mukadimah

1. Tahun 2004 adalah tahun keempat pelaksanaan RMKe-8 yang asal tetapi adalah tahun pertama pelaksanaan selepas Kajian Separuh Penggal RMKe-8. RISDA akan meneruskan pelaksanaan program pembangunan yang telah dirancang, termasuk pengubahsuaian yang diluluskan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan ini. Seperti mana tahun-tahun lepas, Amanat Pengurusan RISDA 2004 ini disediakan berdasarkan input dari semua Bahagian dan Anak Syarikat dan hendaklah dijadikan asas dan panduan bagi melaksanakan gerak kerja pembangunan pekebun kecil dalam tahun ini.

Peristiwa 2003

2. Beberapa peristiwa penting yang berlaku sepanjang tahun 2003 termasuklah :-
- i. Tempoh perkhidmatan Pengerusi RISDA yang lama, Y.Bhg. Dato' Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang telah tamat pada 31 Mac 2003 dan mulai 1 April 2003, Y.Bhg. Dato' Hj. Abdul Raman bin Suliman telah dilantik sebagai Pengerusi RISDA yang baru.
 - ii. Banci Pekebun Kecil Getah Dan Sawit 2002 telah disambung bagi tempoh 2 Januari hingga 30 Jun, 2003 di bawah proses Mopping-Up 3 bagi mengesan mereka yang tertinggal semasa tempoh Banci utama.
 - iii. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Cara-Cara Bagi Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi Industri (JKMPPK) Bil. 01/2003 pada 24 April 2003 telah membincangkan mengenai Keperluan Peruntukan Tambahan Bagi Pelaksanaan Program Tanam Semula Dalam Tempoh RMKe-8 dan Cadangan Pembiayaan Program Khas Untuk Pekebun Kecil Yang Memiliki Tanah 2.5 Hektar Ke Bawah. Mesyuarat juga telah dipersembahkan video Model Integrasi Tanaman Getah dan menerima baik kaedah pelaksanaan yang dilakukan oleh RISDA.
 - iv. Pelaksanaan Model Bisnes Strategik RISDA (MBSR) banyak tertumpu kepada Sektor Pengeluaran Input Perusahaan, terutamanya mengembangkan Pusat-Pusat

Pembakaan dan Pembiakan serta memantapkan pelaksanaan Sektor Pengumpulan dan Pemasaran Produk dan Sektor Pemprosesan Produk. Menjelang akhir tahun, RISDA mula rancak melaksanakan Sektor Pengeluaran Produk di peringkat pekebun kecil melalui Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) dan Projek Integrasi Tanam Semula Getah (PITG).

- v. Masalah pelaksanaan utama yang dihadapi ialah kekurangan benih getah berikutan meningkatnya prestasi Tanam Semula Getah Ke Getah Integrasi (TSGGI), di samping respons kepada kenaikan kadar bantuan kepada RM7,000 sehektar berkuatkuasa pada 1 Januari 2003.
- vi. Harga komoditi getah dan sawit berada di paras yang menggalakkan sepanjang tahun, malah telah melonjak ke paras yang semakin tinggi menjelang akhir tahun 2003. Ini telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil dan juga Anak-Anak Syarikat RISDA yang berkaitan dengan komoditi.
- vii. Bagi memantapkan pelaksanaan program pembangunan, RISDA telah menganjurkan Seminar Pengurusan RISDA di Hotel Swiss Garden Resort, Kuantan pada 8 Julai 2003. Selain dari itu, seperti tahun-tahun sebelumnya, RISDA turut menganjurkan Majlis Jasa Mu Dikenang untuk pesara-pesara, Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang, Sambutan Hari Kualiti dan lain-lain.
- viii. Walau pun peruntukan pembangunan sebanyak RM121.92 juta sahaja diluluskan dalam bajet 2003, KPLB telah memberi peruntukan tambahan sebanyak RM29.93 juta bagi Pakej Rangsangan Ekonomi dan di bawah program Wang Amanah, sebanyak RM10.75 juta bagi Program TSGL 2.5 Hektar Ke Bawah pada penghujung Oktober 2003.

Bajet Pembangunan 2004

3. Kerajaan telah meluluskan peningkatan siling peruntukan kepada RISDA di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-8 dari RM507.24 juta kepada RM886.21 juta, termasuk siling bagi tahun 2004 sebanyak RM227.08 juta. Sungguh pun begitu, dalam bajet 2004, RISDA hanya diberi peruntukan pembangunan sebanyak RM120 juta sahaja mengikut pecahan seperti berikut :-.

Program	Peruntukan(RM)
---------	----------------

i. Tanam Semula Berturut	8,195,213
ii. Tanam Semula Getah Ke Getah Integrasi (TSGGI)	43,323,031
iii. Tanam Semula Getah Ke Tanaman Lain (TSGL)	57,581,756
iv. Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)	1,000,000
v. Projek Integrasi Tanam Semula Getah (PITG)	5,000,000
vi. Prasarana	2,400,000
vii. Khidmat Pengembangan/Pembangunan Manusia Dan Institusi	2,500,000

Peruntukan Sumber Dalaman

4. Di samping itu, Mesyuarat Pihak Berkuasa RISDA kali ke-177 pada 17 November 2003 telah meluluskan peruntukan tambahan dari sumber dalaman sebanyak RM93.65 juta mengikut pecahan seperti berikut:-

Program	Peruntukan(RM)
i. Program Tanam Semula	42,523,410
ii. Pemulangan Wang Ses Estet	10,000,000
iii. Faedah Pinjaman Kerajaan	3,109,472
iv. Kemudahan Pengurusan	38,020,417

Bajet Mengurus 2004

5. Bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, Kerajaan juga telah meluluskan belanja mengurus kepada RISDA sebanyak RM130.22 juta sebagaimana berikut:-

Butiran	Peruntukan(RM)
i. Emolumen	106,395,874
ii. Perkhidmatan & Bekalan	20,900,000
iii. Bayaran Tetap	25,000
iv. Perbelanjaan Lain	2,898,416

Model Bisnes Strategik RISDA (MBSR)

Teraju 1

Pembangunan Tanam Semula Dan Perladangan

6. Pelaksanaan TSGGI akan diteruskan dengan mengekalkan matlamat 20,000 hektar seperti yang ditetapkan dalam RMKe-8. Dengan kenaikan kadar bantuan tanam semula kepada RM7,000 sehektar mulai tahun 2003, RISDA yakin matlamat tersebut akan dicapai. Kerajaan juga memperuntukkan RM5 juta bagi PITG untuk mempergiatkan pelaksanaan projek-projek integrasi dalam kebun tanam semula.
7. Bagi membantu pekebun kecil yang berminat menanam semula getah kepada tanaman lain, Kerajaan telah meluluskan Skim TSGL 2.5 Hektar Ke Bawah pada penghujung tahun 2003. Kadar bantuan yang diberikan kekal pada tahap RM4,448 sehektar. Skim ini dibiayai melalui kombinasi ses tanam semula dan bantuan langsung Kerajaan dan dilaksanakan seiring dengan TSGGI. Matlamat tahun 2004 adalah 10,000 hektar dicampur 5,000 hektar peruntukan 2003 yang tidak sempat dilaksanakan. Skim ini akan membantu pekebun kecil yang memiliki keluasan tanah yang terhad yang akan menanam semula dengan tanaman selain getah, terutama di luar Zon Getah.
8. Khidmat pengembangan dan pemindahan teknologi akan ditumpukan kepada pekebun kecil yang menyertai tanam semula supaya tempoh keremajaan 4 tahun bagi getah dan 2 tahun bagi sawit dapat dicapai.
9. Bagi kebun-kebun yang telah keluar daripada rancangan tanam semula, segala usaha hendaklah ditumpukan kepada pencapaian hasil ke tahap dan standard yang telah ditetapkan. Selain daripada LITS, pembajaan dan penyelenggaraan kebun hendaklah diberi tumpuan untuk mendapat hasil getah 1,500 kg/ha/tahun. Bagi sawit pula, usaha yang sama hendaklah dijalankan supaya hasil 20 tan/ha/tahun dicapai.
10. RISDA merasa yakin dengan pengalaman setengah abad, kita telah mencapai kepakaran yang tinggi dalam bidang tanam semula melalui pendekatan Tanam Semula Berkelompok (TSB) dan Tanam Semula Komersial (TSK). Oleh itu, sewajarnya kepakaran ini diterjemahkan kepada kebun-kebun tanam semula yang mencapai tahap kejayaan yang tinggi di bawah pengendalian pekebun kecil sendiri dan anak syarikat. Mana-mana kelompok kebun yang kurang berjaya, sekiranya ada, akan menjadi sasaran utama dalam khidmat pengembangan RISDA kepada pekebun kecil.

Teraju 2

Pembangunan Ekonomi Tambahan

11. Tahun 2003 telah memberi kesempatan kepada RISDA untuk melibatkan secara langsung semua RISDA Negeri, RISDA Daerah dan pekebun kecil dalam melaksanakan teraju yang kedua ini, lantaran tersedianya peruntukan di bawah AET dan PITG untuk pertama kalinya.
12. Namun begitu, semua peringkat anggota RISDA perlu diingatkan sekali lagi bahawa dalam usaha RISDA untuk mencapai objektif yang ditetapkan iaitu pendapatan RM2,000 sebulan sekeluarga menjelang tahun 2010, tindakan hendaklah diambil untuk memantapkan lagi cara kita merancang, melaksana, mengurus dan mengawasi pembangunan teraju kedua ini. Lantaran itu, semua PRN, PRD dan Pegawai Luar di lapangan hendaklah terus melaksanakan projek di bawah teraju ini berpandu kepada 3 strategi pelaksanaan yang telah digariskan semasa pelaksanaan projek dalam tahun 2003 iaitu :-
 - i. Penetapan jenis projek yang hendak dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah mestilah berdasarkan kepakaran dan kekuatan yang dimiliki oleh RISDA sendiri.
 - ii. PRN dan PRD hendaklah memilih kampung atau kawasan yang sesuai untuk melaksanakan sesuatu projek ekonomi bagi membolehkan sumbangan RISDA serta kesan kejayaan projek berkenaan mudah dilihat.
 - iii. PRN dan PRD memberi tumpuan dan pertimbangan yang terperinci berkaitan dengan faktor pemasaran hasil kepada projek yang hendak diusahakan oleh pekebun kecil. Persoalan berkaitan dengan sistem dan saluran pemasaran hendaklah difikir dan diselesaikan dahulu sebelum projek berkenaan dilulus untuk dilaksanakan oleh pekebun kecil.
13. Dalam Amanat Pengurusan RISDA 2003, penekanan telah diberi berkaitan dengan penglibatan RISDA dalam pelaksanaan konsep Satu Kampung Satu Produk (1K1P) atau Satu Daerah Satu Industri (1D1I). Pengurusan RISDA berharap agar semua PRN dan PRD dapat memantau prestasi semua pusat pengeluaran daun getah dan pusat pengeluaran produk daun getah yang diluluskan bantuan dalam tahun 2003. Satu sistem jalinan (networking) perlu diwujudkan supaya sebarang permintaan bagi produk daun getah oleh pasaran dapat dipenuhi melalui gabungan PWPK yang mengusahakannya. Lebih banyak ?outlet? seperti di Taman Warisan Pertanian, Putrajaya perlu dibuka di bandar-bandar strategik, khususnya oleh Koperasi Pekebun Kecil atau usahawan pekebun kecil supaya produk ini boleh dipasar dengan lebih meluas lagi.
14. Peruntukan sebanyak RM1 juta bagi AET dan RM5 juta bagi PITG telah disediakan dalam tahun 2004 untuk melaksanakan projek-projek yang boleh meningkatkan pendapatan pekebun

kecil yang dipilih. Di samping peruntukan ini, RISDA juga akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP), KPLB bagi membolehkan lebih ramai pekebun kecil mendapat manfaat.

15. PRN dan PRD adalah digesa supaya memberi perhatian yang serius kepada pembangunan teraju ini di kalangan pekebun kecil di kawasan mereka. Mana kala RSPSB dan ESPEK Livestock Sdn. Bhd. (ELSB) perlulah memantapkan lagi unit perniagaan mereka yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi tambahan supaya peranan mereka sebagai ?integrator? yang disarankan oleh RISDA dapat diyakini oleh pekebun kecil dan terbukti berkesan pada pandangan Agensi Pusat yang telah menyalurkan peruntukan kepada mereka. Bahagian Peningkatan Ekonomi adalah diminta untuk memastikan pekebun kecil yang menjalankan projek ekonomi diberi latihan yang mencukupi supaya mereka menjadi pengusaha yang berpengetahuan dan mahir dalam bidang yang diusahakan itu.

Teraju 3

Pembangunan Ekonomi Komersial

16. Semua Anak Syarikat yang telah melibatkan diri dalam pembangunan ekonomi komersial perlulah memperkemaskan lagi tahap kecekapan pengurusan masing-masing bagi menjamin projek yang diusahakan mereka mencapai kejayaan serta menguntungkan demi untuk membolehkan janji sumbangan keuntungan disalurkan kepada pekebun kecil yang menjadi peserta projek terbabit. RSPSB dan ELSB khususnya diingatkan supaya memastikan bahawa sistem pengurusan projek yang diamalkan dalam mengurus projek ekonomi komersial adalah yang terbaik dan boleh dijadikan contoh kepada pekebun kecil yang berminat untuk mengusahakan projek yang sama.

Teraju 4

Pembangunan Manusia Dan Institusi

17. Institusi pekebun kecil di bawah kelolaan RISDA termasuklah Koperasi Pekebun Kecil (KPK), Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK), Kampung Gerakan Daya Wawasan (GDW) dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Mesyuarat Pihak Berkuasa RISDA kali ke-170 pada 31 Oktober 2002 telah meluluskan perwujudan semula Pemaju

Masyarakat Pekebun Kecil (PMPK). RISDA telah memohon supaya peruntukan pembayaran eluan PMPK dibiayai oleh pihak KPLB tetapi sehingga kini perkara ini belum ada keputusan muktamad.

18. Matlamat pembangunan koperasi 2003 dikekalkan bagi tahun 2004 dengan sedikit penambahbaikan seperti berikut :-

- i. Keahlian KPK secara keseluruhannya meningkat sekurang-kurangnya 5,000 orang. Skop keahlian diperluaskan bagi meliputi mereka di sektor PWPK, GDW, SPKR dan juga peserta TSB/TSK atau TS Berkumpulan lain.
- ii. Ahli KPK yang membayar saham penuh mencapai sekurang-kurangnya 80 %.
- iii. Keuntungan bersih meningkat kepada sekurang-kurangnya RM100,000 setahun bagi setiap KPK.
- iv. Dividen dibayar sekurang-kurangnya 10 % oleh setiap KPK.
- v. Perkongsian bijak antara KPK dengan Anak Syarikat dipertingkatkan terutama yang melibatkan sektor pekebun kecil.

19. Setelah 25 tahun diwujudkan dan beroperasi, matlamat dan strategi pembangunan KPK perlu dikaji semula dan disesuaikan dengan situasi semasa dengan mengambil kira perubahan struktur ekonomi negara, senario masyarakat pekebun kecil dan cara bermiaga dalam era globalisasi dan liberalisasi. Sebuah Jawatankuasa Pindaan Undang-Undang Kecil KPK telah ditubuhkan dan diharap dapat mencadangkan pindaan-pindaan yang perlu demi mengemaskinikan operasi KPK. RISDA berharap cadangan pindaan ini dapat dibentangkan dalam Mesyuarat Agung KPK dalam tahun 2004.

20. Pihak Kerajaan mengiktiraf bahawa kumpulan wanita memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara. Justeru, bilangan PWPK hendaklah ditambah dan memastikan PWPK yang kurang aktif diaktifkan semula. Peruntukan yang sesuai akan diberi supaya dapat meningkatkan aktiviti di institusi tersebut. Setiap PWPK hendaklah digabungkan di bawah mana-mana GDW di kampung masing-masing. Ini selaras dengan wahana pembangunan luar bandar.

21. Selaras dengan pelancaran GDW oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 26 Julai 2003, semua aktiviti pembangunan ladang dan ekonomi di bawah RISDA hendaklah diselaraskan dengan GDW-GDW yang berhampiran. Di samping itu, RISDA akan berusaha meningkatkan penubuhan GDW di kawasan aktivitinya. RISDA juga akan bekerjasama dengan agensi lain di bawah KPLB selaras dengan semangat GDW untuk memajukan kampung luar bandar melalui lonjakan pembangunan potensi manusia, ekonomi dan pasaran produk luar bandar agar kampung-kampung menjadi maju, menarik dan menguntungkan.

Teraju 5

Pembangunan Ahli Isi Rumah

22. Kolej RISDA sebagai wahana menggunakan dua pendekatan iaitu melatih ahli isi rumah dalam pelbagai bidang kursus jangka pendek dan memberi pendidikan kepada anak-anak pekebun kecil dalam pelbagai bidang kemahiran agar mereka dapat membantu keluarga mereka.
23. Sejumlah 100 kursus pendek akan dijalankan yang dijangka akan dihadiri oleh 25 ? 30 orang bagi setiap kursus. Kursus yang akan dijalankan termasuklah berkaitan Jati Diri, Bina Insan, Motivasi dan Perubahan Sikap, Literasi Komputer, ICT dan lain-lain. Perkongsian bijak antara Kolej RISDA dengan Medan Info Desa (MID) di bawah RISDA akan dipertingkatkan melalui Program Latihan ICT Desa, KPLB.
24. Kolej RISDA akan menambah program-program baru yang akan diikuti dengan penambahan bilangan pelajar mengikut program yang ditawarkan. Bilangan pelajar semasa adalah seramai 1,185 orang dan dengan pengambilan baru pada tahun 2004 seramai 815 orang, menjadikan jumlah keseluruhan pelajar adalah seramai 2,000 orang. Seramai 888 orang pelajar telah menamatkan pengajian di peringkat Sijil dan Pra-Diploma secara berperingkat-peringkat sehingga akhir tahun 2003. Kebanyakan pelajar dibiayai di bawah peruntukan Program Latihan & Pendidikan (PLP), SPKR dan Khidmat Pengembangan.
25. Strategi utama melaksanakan Teraju Ke-5 ialah dengan menawarkan program kemahiran yang mempunyai nilai atau permintaan pasaran seperti Pengkomputeran, Pendawaian Elektrik, Penyenggaraan Motosikal dan Salun (untuk lelaki). Dengan cara ini, generasi kedua pekebun kecil yang menamatkan pengajian di Kolej RISDA sekurang-kurangnya di peringkat sijil akan mudah mendapat pekerjaan atau berusaha sendiri untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarga.

Aktiviti Sokongan

26. Bagi melaksanakan Model Bisnes Strategik RISDA yang merangkumi kelima-lima TERAJU, RISDA menjalankan pelbagai aktiviti sokongan seperti khidmat pengembangan, penyediaan dan bekalan benih tanaman/input pertanian, penyediaan dan bekalan baka ternakan serta mewujudkan jaringan dan saluran pemasaran produk yang dihasilkan.

Khidmat Pengembangan/Pembangunan Manusia Dan Institusi

27. Pengagihan peruntukan dan tumpuan bagi Khidmat Pengembangan/ Pembangunan Manusia dan Institusi mengikut wajaran keperluan dan cabaran semasa adalah seperti di bawah :-

Teraju	% Tumpuan
Pembangunan Tanam Semula & Perladangan	30
Pembangunan Ekonomi Tambahan	20
Pembangunan Ekonomi Komersial	5
Pembangunan Institusi Pekebun Kecil	25
Pembangunan Ahli Isi Rumah	20

28. Bagi mengesan impak pelaksanaan Program Tanam Semula dan Perladangan, pemantauan yang rapi di peringkat lapangan adalah amat penting. Dalam Amanat Pengurusan RISDA 2002 dan 2003, sistem pemantauan teknologi telah dihuraikan tetapi pelaksanaannya kurang memuaskan. Oleh itu, perkara ini diulangi pada kali ini supaya ia dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna dalam tahun 2004. Bagi peringkat getah muda, setiap pegawai luar dikehendaki memilih 3 bidang kebun sebagai sampel dan memantau kebun-kebun ini dari mula ditanam hingga mengeluarkan hasil dalam tempoh 4 ? tahun. Bagi kebun getah matang, setiap pegawai luar dikehendaki memilih 3 bidang kebun sebagai sampel iaitu 2 kebun untuk memantau peningkatan produktiviti (1,500 kg/ha/tahun) melalui amalan agronomi getah matang dan 1 kebun untuk memantau amalan teknologi LITS bagi lonjakan peningkatan produktiviti. Satu lagi bidang kebun dipilih untuk memantau peningkatan produktiviti kebun sawit (20 mt/ha/tahun). Memandangkan sistem pemantauan 3 : 3 : 1 ini bermula pada tahun 2003, bilangan kebun yang akan dipantau oleh pegawai luar dalam tahun 2004 ialah (3 : 3 : 1) x 2.

29. PRN dan PRD hendaklah menggunakan sekurang-kurangnya 50 % peruntukan khidmat pengembangan bagi program ini secara pakej yang melibatkan perubahan sikap, minda, kemahiran dan susulan kepada pekebun kecil yang dipantau projek teknologi dan amalan agronomi. Di samping itu, kursus in situ (tunjuk ajar) hendaklah dipertingkatkan di peringkat PT, selaras dengan penyebaran maklumat teknologi terkini dan penekanan terhadap pelaksanaannya di sektor pekebun kecil. PRN dan PRD adalah diingatkan bahawa

tanggungjawab menjalankan khidmat pengembangan tidak terhad kepada peringkat pokok muda sahaja tetapi tumpuan hendaklah juga diberikan pada peringkat getah matang.

30. Bagi menyokong proses pemindahan teknologi ini, Kolej RISDA dikehendaki mengadakan semula latihan formal berkaitan teknologi dan pengurusan kebun untuk pegawai luar baru dan pekebun kecil, di samping refresher course untuk pegawai lama.

31. Dalam usaha memperkuuh institusi pekebun kecil di luar bandar seperti KPK, PWPK, GDW, dan SPKR, peningkatan peruntukan Khidmat Pengembangan mengikut wajaran dari 10 % kepada 25 % amat penting memandangkan peranan institusi yang kukuh membolehkan pelaksanaan program secara bersepada dibuat dan diseragamkan. Aspek latihan yang ditekankan menjurus kepada perubahan sikap, minda, latihan kemahiran, latihan keusahawanan dan pengurusan.

32. RISDA juga akan menyediakan jadual mengadakan Majlis Ramah Mesra dengan masyarakat pekebun kecil bagi memberi penerangan mengenai hala tuju dan program-program pembangunan di samping mendapatkan maklum balas daripada mereka.

Sektor Pembekalan Input Perusahaan

33. Usaha RISDA mewujudkan Pusat Pembakaan dan Pembiasaan di awal tahun 2001 telah mendapat pengiktirafan Kerajaan, khususnya Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan juga Bahagian Ekonomi Desa, KPLB.

(I) Pusat Pembakaan dan Pembiasaan Kambing Boer

34. Walau pun telah menubuhkan 3 Pusat Pembakaan dan Pembiasaan Kambing Boer setakat ini, RISDA masih menghadapi masalah untuk membekal anak baka kambing yang mencukupi kepada RISDA Negeri dan Daerah untuk diternak oleh pekebun kecil dalam tahun 2003 kerana pusat-pusat ini baru bermula dan belum berupaya mengeluarkan anak baka seperti yang dikehendaki. Lantaran keadaan ini, tindakan sedang diambil oleh RSPSB untuk membesarkan kapasiti Pusat Pembakaan dan Pembiasaan di Tg. Genting, Sintok, Kedah dan membuka satu lagi pusat di Mersing, Johor. Malah kita menjangkakan masih menghadapi masalah untuk membekal secukupnya anak baka kambing ini dalam tahun 2004 kerana permintaan yang meningkat dari pekebun kecil. Berasaskan keadaan yang ada, dijangkakan dalam tahun 2004 bilangan anak baka kambing yang boleh dikeluarkan oleh Pusat-Pusat yang ada adalah seperti berikut :-

- i. Kg. Awah, Pahang - 1,800 ekor.
- ii. Kg. Wek, Kelantan - 900 ekor.
- iii. Kg. Tg. Genting I, Kedah - 900 ekor.
- iv. Kg. Tg. Genting II, Kedah - 2,700 ekor.
- v. Mersing, Johor - 900 ekor

Jumlah - 7,200 ekor

35. RSPSB diminta supaya memperkemaskan lagi sistem pengurusan di kesemua pusat-pusat ini agar bilangan anak baka kambing yang boleh dikeluarkan dapat ditingkatkan serta kualiti anak kambing adalah yang terbaik pada kadar harga yang terendah untuk dibekalkan kepada pekebun kecil.

(II) Pusat Pembakaan Dan Pembibitan Ikan Tilapia Merah

36. Bagi pengeluaran benih Ikan Tilapia Merah, RISDA boleh mengeluarkan jumlah benih ikan yang diperlukan oleh projek-projek Ternakan Ikan Tilapia Merah secara komersial setakat ini. Malah Pusat Pembakaan dan Pembibitan yang ada setakat ini sudah berupaya membekalkan kepada pekebun kecil yang ingin menjalankan projek ini secara individu di bawah AET atau PITG. Namun begitu, RISDA berharap pihak RSPSB dan RSSB akan terus berusaha supaya benih yang dikeluarkan itu adalah ?mono sex? iaitu benih jantan supaya pertumbesaran ikan lebih cepat dan akan memberi keuntungan yang lebih baik kepada pengusaha. Dijangkakan dalam tahun 2004, jumlah benih yang boleh dikeluarkan adalah :-

- i. Kg. Ajil, Terengganu - 1.2 juta ekor.
- ii. Kg. Legeh, Kelantan - 3.0 juta ekor.
- iii. Bukit Sireh, Kelantan - 6.0 juta ekor.

Jumlah - 10.2 juta ekor.

(III) Pusat Pembakaan Dan Pembibitan Burung Unta

37. Setakat ini telah ada sebanyak 32 ekor induk jantan dan 51 ekor induk betina di Pusat Pembakaan dan Pembiasaan Burung Unta di Kg. Changkat Sulaiman, Perak. Pada tahun 2003, pusat ini hanya dapat mengeluarkan sebanyak 192 ekor anak Burung Unta. Manakala dalam tahun 2004, dijangka pusat ini akan dapat mengeluarkan sebanyak 1,125 ekor anak Burung Unta untuk dibekalkan kepada pekebun kecil. Jumlah ini mencukupi untuk dibekalkan kepada pekebun kecil di negeri Perak sahaja. RSPSB hendaklah mempertingkatkan lagi usaha untuk menjadikan pusat ini sebagai satu pusat pengeluaran anak baka Burung Unta yang terunggul dan boleh memenuhi bekalan yang diperlukan oleh pekebun kecil yang berminat untuk menjalankan projek ini.

(IV) Pusat Pembakaan Dan Pembiasaan Ayam Kampung Kacukan

38. Ternakan ayam kampung kacukan merupakan satu lagi bidang yang boleh membantu pekebun kecil untuk meningkatkan pendapatan keluarga mereka. Justeru, RISDA melalui RSPSB telah menubuhkan satu Pusat Pembakaan dan Pembiasaan di Ladang RISDA Sekijang, Johor mulai tahun 2003 untuk mengeluarkan anak baka ayam kampung kacukan yang diperlukan di projek komersial yang diusahakan oleh RSPSB dan juga kepada pekebun kecil yang menjalankan projek ini di masa akan datang. Dijangka dalam tahun 2004, sebanyak 393,000 ekor anak ayam kampung kacukan dapat dikeluarkan oleh pusat ini.

Sektor Pengeluaran Produk

39. Tahun 2003 adalah tahun permulaan bagi pekebun kecil serta anggota RISDA di lapangan melibatkan diri secara langsung dalam sektor pengeluaran kerana pada tahun sebelumnya sektor ini hanya dilaksanakan oleh Anak Syarikat. Perlu ditekankan sekali lagi bahawa Kerajaan, khususnya Y.B. Menteri KPLB ingin melihat pekebun kecil sendiri yang dilibatkan secara langsung dalam menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi tambahan yang dikendalikan di bawah RISDA. Arahan ini timbul kerana Kerajaan tahu dan percaya bahawa pekebun kecil serta keluarga mereka masih mempunyai ?masa produktif? yang lebih serta keluasan tanah yang tidak digunakan dengan cara yang optimum untuk menjana pendapatan tambahan kepada mereka.

40. Justeru, RISDA amat berharap semua PRN, PRD dan staf RISDA di lapangan akan bekerja dengan lebih cekap, proaktif dan bersungguh-sungguh lagi dalam tahun 2004 untuk membantu

dan membimbing pekebun kecil dalam kawasan jagaan mereka supaya dapat mempergunakan masa dan tanah yang lebih itu untuk melaksanakan pelbagai projek ekonomi yang ada potensi pasaran demi untuk meningkatkan pendapatan mereka. Kita juga hendaklah menerima hakikat bahawa Kerajaan telah menaruh penuh keyakinan kepada RISDA untuk memastikan projek yang akan dijalankan oleh pekebun kecil itu berdaya maju dan boleh berdaya tahan untuk menyumbang pendapatan tambahan yang berterusan kepada keluarga terbabit. PRN dan PRD hendaklah berusaha supaya sekurang-kurangnya 80 % dari projek AET dan PITG yang dilaksanakan oleh pekebun kecil mencapai kejayaan.

Sektor Pengumpulan Dan Pemasaran Produk

41. Dengan terlaksananya lebih banyak projek di bawah sektor kedua, maka sektor ketiga ini makin menjadi mustahak untuk diberi perhatian khususnya di peringkat negeri dan daerah. Pengalaman yang lepas telah banyak memberi pengajaran kepada RISDA tentang kegagalan projek kerana faktor pemasaran tidak diurus dengan baik. Dalam tahun 2003, RSPSB telah membuka satu saluran pasaran yang dikenali sebagai Kedai S'Mart di Ipoh. Selaku projek perintis, ia telah banyak memberi pengalaman kepada RISDA dalam usaha mengoperasikan perniagaan sebegini rupa. Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.80 juta lagi bagi membuka 3 cawangan baru S'Mart pada penghujung tahun 2003. Justeru itu, RSPSB hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi dan menjadikan Kedai S'Mart sebagai satu entiti perniagaan yang menguntungkan bagi memastikan pekebun kecil tidak lagi menghadapi masalah pemasaran produk yang mereka usahakan atas nasihat RISDA.

42. Bahagian Peningkatan Ekonomi juga telah membuka sebuah kedai bagi menjual produk dari daun getah di Putrajaya dengan memakai jenama Hevea Collection. Pihak Putrajaya Corporation telah bersetuju untuk membenarkan RISDA menggunakan satu ruang kedai di premisnya di Taman Warisan Pertanian secara percuma selama 2 tahun bagi mempromosikan produk ini.

43. PRN dan PRD adalah disaran supaya meninjau kemungkinan untuk melibatkan pekebun kecil dalam membuka kedai berkonsepkan Pasar Segar supaya memudahkan hasil keluaran pekebun kecil dijual. Selaras dengan saranan Y.B. Menteri KPLB, RISDA hendaklah membantu menjalankan kajian What sells in the market bagi membimbing pekebun kecil mengeluarkan produk yang boleh dipasarkan dengan harga yang berpatutan.

Sektor Pemprosesan Produk

44. Sektor keempat ini juga akan diberi lebih penekanan dalam tahun 2004. Malah RISDA Negeri dan Daerah boleh mengembangkan penglibatan pekebun kecil dalam sektor ini seperti yang dijalankan oleh PRD Kota Tinggi/Johor Bahru dalam pengeluaran air tebu di Kg. Lukut, Kota Tinggi. Peserta projek AET ini telah pun bersedia untuk membeli tebu-tebu yang ditanam oleh pekebun kecil dalam projek AET/PITG bagi diproses menjadi Air Tebu Lukut. Pekebun kecil yang didapati ada sifat keusahawanan dan kesanggupan boleh dibimbing untuk melibatkan diri dalam sektor pemprosesan produk khususnya yang berkaitan dengan pengeluaran makanan. Manakala RSPSB adalah diminta untuk menumpukan perhatian bagi memantapkan lagi usaha yang telah dibuat dalam memproses filet dan juga potensi untuk memproses produk hiliran daripada Burung Unta dan lain-lain. Peluang yang ada dalam sektor ini masih terbuka luas untuk diterokai oleh Anak Syarikat, Koperasi Pekebun Kecil atau pun usahawan pekebun kecil.

Pemulangan Wang SES Estet

45. Di samping menguruskan pembangunan sektor pekebun kecil, RISDA juga dipertanggungjawabkan untuk memulangkan wang ses tanam semula kepada estet-estet yang berdaftar dengan Rancangan Perusahaan Getah (Penanaman Semula) bagi Estet-Estet 1974.

46. Peranan RISDA (Bahagian Estet) di sektor ini akan lebih diperlukan memandangkan harga getah telah meningkat mele过asi RM5/kg FOB bagi getah SMR 20 pada penghujung tahun 2003, satu paras harga tertinggi sejak 20 tahun yang lalu. Jika trend harga ini berterusan, sektor estet akan menanam getah semula dan mengekalkan kawasan yang ditanam getah pada masa ini. Ketika ini kawasan tanaman getah sektor estet hanya 13 % daripada jumlah kawasan getah Semenanjung Malaysia tetapi sumbangannya kepada pengeluaran getah negara adalah sebanyak 18 %.

47. Mengambil kira harga getah semasa serta trend perdagangan dan perindustrian di dunia terutama sekali di China, adalah dijangka getah akan menjadi komoditi utama (basic commodity) yang amat diperlukan. Sehubungan itu peranan Bahagian Estet dalam sektor ini akan berterusan.

Program Pembangunan Luar Bandar

48. Selain melaksanakan program pembangunan yang diluluskan dalam RMKe-8, RISDA akan terus menjadi agensi pelaksana utama bagi melaksanakan program pembangunan luar bandar di bawah peruntukan KPLB. Melalui program-program ini, kita dapat merapatkan lagi hubungan dengan kumpulan sasar seperti Gerakan Daya Wawasan (GDW), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS), Latihan ICT Desa dan sebagainya. Di bawah program KPLB juga, RISDA berpeluang untuk mengembangkan lagi pusat-pusat pembakaan dan pembiakan, projek ekonomi komersial dan lain-lain.

49. RISDA telah memohon RM16.78 juta di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) daripada KPLB dalam tahun 2004. Berdasarkan baki Wang Amanah yang belum dibelanjakan, prestasi RISDA perlu dipertingkatkan, walaupun diakui sebahagian dari masalah yang dihadapi bukan berpunca dari kelemahan RISDA. Adalah diharap semua peringkat pegawai dan staf dapat memberi komitmen dalam menjayakan program yang diatur oleh KPLB untuk memajukan masyarakat luar bandar.

Program Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP)

50. Kejayaan RISDA Terengganu mengendalikan pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) dan Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS) di bawah Program DKKP Siri 2 dalam tahun 2003 telah menaikkan imej RISDA di Terengganu.

51. Walaupun berpengalaman setahun jagung dalam menguruskan PBR, kejayaan yang diukir telah memberi kepercayaan kepada Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu (PPNT) untuk melantik RISDA Terengganu sebagai pelaksana program ini di bawah Program DKKP Siri 3 dalam tahun 2004. RISDA akan senantiasa memberi sokongan dan bantuan kepada RISDA Terengganu dalam menjayakan program ini.

Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia

Pembangunan Sumber Manusia

52. Pembangunan sumber manusia merupakan salah satu aspek penting dan lebih menyeluruh dalam pengurusan sumber manusia berbanding takrif latihan. Dengan itu, RISDA telah mengubah Unit Latihan & Kerjaya kepada Unit Pembangunan Sumber Manusia (UPSM) untuk lebih menampakkan kepentingan aktiviti tersebut.

53. UPSM akan menumpukan kepada latihan yang berbentuk performance-related yang lebih menjurus kepada peningkatan sikap, kemahiran dan pengetahuan staf. Antara latihan yang akan diberi keutamaan adalah refresher course untuk memantapkan semula kefahaman staf tentang bidang tugas masing-masing. Selain itu, keutamaan juga akan diberikan kepada latihan pra-penempatan bagi staf yang baru dilantik dan juga latihan-latihan yang berkaitan dengan perkhidmatan dalam Sistem Saraan Malaysia (SSM) seperti Kursus Penilaian Tahap Kecekapan, Ketatanegaraan dan Induksi.

54. Bagi memastikan RISDA tidak ketandusan tenaga pengajar yang mahir, UPSM juga sedang berusaha untuk mewujudkan semula kumpulan pelatih (trainers) yang akan bertindak sebagai Subject Matter Specialist (SMS) dalam bidang masing-masing. Ini adalah untuk memastikan RISDA mampu melatih stafnya mengikut acuan sendiri.

55. Peluang untuk meningkatkan kemahiran di dalam bidang pengurusan juga akan diberi keutamaan. Satu bentuk latihan secara separuh masa akan diatur dengan IPTA di mana pada akhir latihan, staf akan diberi sijil di dalam prinsip-prinsip pengurusan yang berkesan (Certificate In Principles of Effective Management). Program ini akan ditingkatkan ke peringkat Diploma dan dengan cara tidak langsung boleh memenuhi keperluan RISDA di dalam dasar cuti belajar dan sebagainya.

Perancangan Tenaga Manusia Dan Organisasi

56. Dalam tahun 2004, JPA dijangka akan menyemak dan menimbang cadangan penyusunan semula struktur organisasi RISDA yang tertangguh pada tahun 2003 akibat pelaksanaan SSM. Selain dari itu, RISDA telah mewujudkan semula Pejabat RISDA Negeri Pulau Pinang yang telah ditutup pada tahun 1997 dahulu bagi memperkemaskan dan mengukuhkan perkhidmatan kepada pekebun kecil. Kerajaan juga dijangka meluluskan beberapa gred jawatan lapisan baru yang wujud di bawah SSM. Ini bermakna RISDA akan mengadakan urusan kenaikan pangkat bagi mengisi jawatan baru yang diwujudkan itu termasuklah untuk mengisi jawatan kosong akibat persaraan ramai pegawai dan staf RISDA.

Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

57. Unit PTK telah ditubuhkan pada 1 Februari 2003 bertujuan khusus untuk mengendalikan :

- i. Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan.
- ii. Peperiksaan untuk tujuan pengesahan dalam jawatan.

- iii. Kursus PTK dan Penilaian Kursus PTK bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional serta kumpulan sokongan yang berkenaan.
 - iv. Menyediakan sukanan peperiksaan PTK dan sukanan peperiksaan untuk tujuan pengesahan jawatan.
 - v. Menyediakan kurikulum kursus PTK bagi semua kumpulan pegawai.
58. Unit PTK akan mengendalikan kursus PTK dan peperiksaan PTK serta peperiksaan pengesahan jawatan untuk seramai lebih kurang 3,867 orang anggota. Peperiksaan PTK bagi kumpulan sokongan I dan II serta kumpulan pengurusan dan profesional (Gred 41) telah diadakan pada penghujung tahun 2003 di Ibu Pejabat dan negeri-negeri. Kursus PTK bagi kumpulan pengurusan dan profesional (Gred 48) akan diadakan pada awal tahun 2004.
59. Unit PTK akan mengendalikan kursus dan peperiksaan untuk tahun-tahun akan datang dengan lebih licin lagi dan akan diadakan lebih awal daripada tahun 2003. Bagaimanapun RISDA telah mendahului agensi-agensi lain di bawah KPLB dalam pengendalian PTK di samping membantu mereka dalam menyediakan sukanan peperiksaan, kurikulum kursus serta pengendalian peperiksaan PTK.

Program Kualiti

60. Pada 25 Oktober 2000, RISDA telah dianugerahkan Sijil MS ISO 9002. Ini merupakan hasil usaha serta kesungguhan anggota RISDA di peringkat Ibu Pejabat, PRN dan PRD dalam usaha bersama untuk meningkatkan kualiti kerja dan produktiviti. Sijil yang dianugerahkan itu merupakan versi tahun 1994 di mana hayatnya tamat pada 9 Oktober 2003. Semua badan dan organisasi yang memperoleh sijil versi tahun 1994 perlu bertukar kepada versi terkini iaitu MS ISO 9001 : 2000 selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bilangan 2 Tahun 2002 bertarikh 16 Disember 2002.

61. Menyedari hakikat ini, Pengurusan RISDA turut mengambil langkah untuk menukar sijil yang sedia ada kepada sijil MS ISO versi 2000. Pasukan Penyedia Dokumen sejak awal 2003 lagi telah bermesyuarat untuk menyediakan dokumen yang relevan ke arah mencapai hasrat tersebut termasuk menulis semula semua prosedur yang didokumenkan di dalam standard 1994 kepada standard 2000. Hasil usaha yang gigih dengan semangat kerjasama yang amat baik, dokumen ISO yang menepati keperluan versi 2000 telah siap disediakan.

62. Kerja-kerja audit secara dalaman akan dijalankan oleh Pasukan Audit Kualiti dalam tempoh 3 bulan setelah RISDA melaksanakan MS ISO versi 2000. Pengurusan RISDA

berkeyakinan bahawa Pasukan Kualiti berupaya untuk mendapatkan Sijil MS ISO 9001 versi 2000 sebagaimana yang telah dicapai untuk versi 1994.

63. Pengurusan RISDA sentiasa memberi galakan dan sokongan dalam apa jua usaha untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti. Sijil MS ISO merupakan salah satu usaha tersebut. Di samping itu, aktiviti Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) dan Pertandingan Inovasi masih diteruskan. Tambahan kepada itu, RISDA turut mengadakan anugerah kualiti sebagai pengiktirafan kepada anggotanya yang menunjukkan prestasi yang baik mengikut kategori-kategori tertentu. Pasukan KMK RISDA telah mengharumkan nama RISDA kerana menyerlah dan berjaya dalam Konvensyen KMK Antara Jabatan di peringkat negeri dan juga di peringkat Kementerian. Kita berharap RISDA akan terus berjaya dalam usaha peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi ini.

64. Dalam Majlis Penyampaian Amanat Y.B. Menteri KPLB kepada pegawai dan staf RISDA pada 6 Disember 2003, beliau memaklumkan bahawa agensi-agensi di bawah Kementeriannya akan disusun semula bagi memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Sehubungan dengan ini, RISDA akan mengambil tindakan berikut :-

- i. Memperjelaskan kepada semua lapisan anggota siapa pelanggan dan stakeholder RISDA.
- ii. Mengkaji, mempermudahkan dan memendekkan proses kerja bagi bidang-bidang :
 - a) pemprosesan permohonan tanam semula;
 - b) proses penyediaan dan bekalan benih;
 - c) proses bekalan baja dan input pertanian lain;
 - d) proses bantuan LITS.
- iii. Mengkaji semula Piagam Pelanggan supaya benar-benar memuaskan hati pelanggan.
- iv. Meningkatkan disiplin di kalangan pegawai dan staf supaya sentiasa akur dengan arahan dan keputusan RISDA.

65. Proses memperbaiki sistem penyampaian dan memendekkan proses kerja adalah selaras dengan budaya kualiti yang menjadi amalan RISDA, dasar ?mesra rakyat? Kerajaan dan memanfaatkan kemudahan ICT bagi tujuan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, di samping mengurangkan red-tape dan kerentak birokrasi. Dalam zaman yang serba maju ini masyarakat di negara ini mengharapkan perkhidmatan yang berkualiti dari agensi-agensi Kerajaan.

Program Pengkomputeran

66. Program Pengkomputeran hendaklah dilaksanakan mengikut aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat RISDA di samping meneruskan aktiviti yang belum siap disempurnakan dalam tahun 2003.

Pelan Strategik Teknologi Maklumat (ISP)

67. Pelan Strategik Teknologi Maklumat telah dikemukakan kepada pihak MAMPU untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Internet dan Teknologi Maklumat Kerajaan (JITIK) pada bulan Oktober 2002. Pada bulan Ogos 2003 yang lalu, Kerajaan telah melancarkan Pelan Strategik ICT Sektor Awam yang menggariskan hala tuju strategik ICT Sektor Awam yang lebih jelas dan bidang-bidang teras yang harus diberi tumpuan. Semua agensi telah diminta untuk mengkaji semula Pelan Strategik Teknologi Maklumat masing-masing agar selari dan selaras dengan pelan tersebut. Sejajar dengan saranan tersebut, Pelan Strategik Teknologi Maklumat RISDA hendaklah dikaji semula. Antara projek pengkomputeran yang akan dilaksanakan dalam tahun 2004 adalah seperti berikut :-

i. Pelaksanaan Rangkaian LAN dan WAN Bersepadu RISDA (RISDA*Net)

LAN dan WAN Bersepadu yang dicadangkan (selepas ini akan dirujuk sebagai RISDA*Net) adalah satu rangkaian bagi menghubungkan semua PT dalam satu rangkaian komunikasi data yang menyeluruh, selamat dan bersepadu. Rangkaian tersebut akan membentuk satu rangkaian dalaman RISDA (Intranet) yang boleh dihubungkan kepada rangkaian Kerajaan seperti EG*Net dan juga Internet. Pelaksanaan RISDA*Net akan melicinkan aliran data dan maklumat antara PT di negeri dan daerah dengan Ibu Pejabat.

ii. Pembangunan Sistem Maklumat Eksekutif

Sistem Maklumat Eksekutif adalah sistem maklumat khas yang akan dibangunkan untuk kegunaan pihak pengurusan pertengahan dan atasan. Sistem ini akan menggunakan Pangkalan Data Pekebun Kecil, Pangkalan Data Kewangan dan Pangkalan Data Personel sebagai sumber data utamanya bagi mengolah data kepada maklumat yang dapat membantu pengurusan dalam merancang, memantau dan mengukur pencapaian dan kemajuan program-program yang dijalankan oleh RISDA dari semasa ke semasa.

Sistem Maklumat Pekebun Kecil (SMPK)

68. SMPK adalah sistem yang dibangunkan bagi menjana maklumat yang diperlukan tentang seseorang pekebun kecil atau menjana maklumat untuk membangunkan pekebun kecil. Data asasnya adalah dari pangkalan data pekebun kecil yang diperoleh daripada Banci Pekebun Kecil 2002. Pembangunan sistem ini telah bermula dalam tahun 2003 dan telah pun disiapkan prototypenya.

69. Ujian perintis sistem ini akan dijalankan di PRD Segamat dan PRD Kedah Selatan pada awal tahun 2004 dan selepas dimantapkan akan dipasang di semua PT mulai 1 Julai 2004. Bagi melengkapkan maklumat-maklumat ke dalam sistem ini, semua PT hendaklah berusaha mengesan pekebun kecil yang belum tersenarai dalam pangkalan data pekebun kecil dan mendapatkan maklumat lengkap seperti mana yang dilakukan semasa Mopping-Up 3 Banci Pekebun Kecil. Proses ini amat mustahak agar SMPK akan lengkap. Melalui sistem ini nanti, pengesahan kumpulan sasar akan lebih mudah bagi merancang program pembangunan dengan lebih cepat dan efektif.

Laman Web

70. Laman Web RISDA adalah sumber maklumat penting untuk orang ramai, khususnya pekebun kecil mengetahui perkembangan terkini tentang RISDA. Pembangunan Laman Web RISDA akan memasuki fasa kedua iaitu untuk menyediakan perkhidmatan interaktif kepada pekebun kecil seperti menyediakan maklumat secara atas talian (on-line) tentang status permohonan tanam semula, maklumat bantuan dan bekalan mata benda. Laman Web RISDA juga akan diterbitkan dalam Bahasa Inggeris bagi membolehkan mereka yang melayari laman web daripada luar negara mendapat makluman tentang RISDA.

Khidmat Kejuruteraan

71. Mesyuarat Pihak Berkuasa RISDA kali ke-171 pada 17 Januari 2003 telah meluluskan pewujudan Bahagian Khidmat Kejuruteraan (BKK) berkuat kuasa 1 Februari 2003. Di antara tugas dan fungsi Bahagian ini adalah :-

- i. Mengurus pembinaan bangunan baru, perumahan PPRT serta memberi khidmat teknikal projek-projek prasarana di negeri-negeri dan pembinaan-pembinaan lain.
- ii. Mengurus penyelenggaraan bangunan, prasarana serta memberi nasihat teknikal penyelenggaraan dan infrastruktur di negeri-negeri.

- iii. Mengurus semua hartaanah RISDA termasuk pendaftaran, pembelian, perlindungan insuran, penilaian dan penjualan hartaanah, bangunan, kenderaan dan aset lain.

Sistem Pemantauan

Sistem Pemantauan Projek II (SPP II)

72. Kerajaan telah menggunakan laporan dari SPP II untuk memantau prestasi pelaksanaan program/projek pembangunan mulai Oktober 2003. Oleh yang demikian, Bahagian Perancangan Strategik dan PRN/PRD hendaklah memastikan penginputan data sentiasa kemas kini supaya memberi gambaran yang sebenar mengenai prestasi di lapangan.

73. Walau pun sistem dail-up kini telah digantikan dengan sistem leased-line di semua PT, difahamkan talian sering tergendala dan terputus semasa proses replikasi data dibuat. Ini sudah tentu menjaskankan penghantaran maklumat yang dikemas kini ke pihak Kerajaan. Sehubungan dengan itu, RISDA akan melaksanakan Wide Area Network (WAN) atau Intranet bagi melicinkan lagi proses pengemaskinian data dalam SPP II.

Pembangunan Korporat

74. Pembangunan korporat akan mengamalkan strategi Serampang Dua Mata iaitu menjalankan perniagaan teras masing-masing mengikut perancangan dan penyelarasian RISDA dan memberi fokus kepada pembangunan pekebun kecil, khususnya Anak-Anak Syarikat yang berkait dengan kumpulan sasar RISDA. Tahap dan fasa penglibatan pekebun kecil dalam aktiviti-aktiviti Anak Syarikat hendaklah dipertingkatkan selaras dengan hasrat Y.B. Menteri yang mahu semua syarikat di bawah KPLB memainkan peranan yang lebih membantu meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar. Usaha berterusan hendaklah dilakukan bagi memberi perkhidmatan dan bekalan yang berkualiti kepada pelanggan. Kepuasan pelanggan merupakan faktor penting dalam memastikan aktiviti perniagaan syarikat terus maju dan berkembang.

75. Kadar pertumbuhan ekonomi negara dianggarkan di antara 5.5 % - 6.0 % dalam tahun 2004. Sekiranya harga komoditi getah dan sawit kekal pada tahap yang baik, Anak-Anak Syarikat secara kumpulan dianggarkan boleh mencapai pertumbuhan di antara 6 % - 15 %.

76. Dari segi penstrukturkan semula, Anak-Anak Syarikat RISDA hendaklah mengambil dua tindakan, iaitu mengurangkan pergantungan anggotanya daripada RISDA mengikut fasa hingga

tahun 2006 dan mengawal hutang antara syarikat di tahap yang berpatutan supaya tidak menjelaskan aliran tunai mana-mana Anak Syarikat.

Smallholders Development Corporation Sdn. Bhd. (SHDC)

77. Sejajar dengan cabaran bidang pembangunan harta tanah, SHDC hendaklah terus meningkatkan penglibatan dalam kerja-kerja sebagai kontraktor binaan secara dalaman dan luaran. Pendekatan perkongsian pintar hendaklah dilaksanakan dengan pihak ketiga dalam situasi win-win tanpa menjelaskan kepentingan SHDC. Pembangunan harta tanah RISDA di Sungai Petani dijangka boleh memberi pulangan kerana SHDC mempunyai kepentingan dalam syarikat pembinaan tersebut.

78. SHDC perlu meningkatkan keupayaan dan kecekapan sebagai PMC (Project Management Consultant) agar mendapat pasaran luar. Dalam masa yang sama, SHDC perlu meningkatkan aktiviti dalam bidang pengurusan harta seperti pengendalian Pusat Latihan RISDA di Port Dickson yang akan mula beroperasi pada awal tahun 2004. Demikian juga, bagi khidmat keselamatan, pasaran luar dan dalam boleh dipergiatkan memandangkan projek-projek Anak Syarikat RISDA sendiri melibatkan banyak premis yang memerlukan khidmat tersebut.

Estet Pekebun Kecil Sdn. Bhd. (ESPEK)

79. Selain menjadi agen pengurusan kepada estet-estet RISDA, ESPEK juga menjalankan aktiviti sampingan seperti perkhidmatan agronomi, perkhidmatan pemetaan GPS/GIS dan sewa pajak ladang kelapa sawit. ESPEK Research & Advisory Services (ERAS) yang menjalankan aktiviti perkhidmatan agronomi dan perkhidmatan pemetaan GPS/GIS telah dikurniakan Sijil ISO/IEC 17025. Ini adalah satu pengiktirafan perkhidmatan yang telah dijalankan oleh ESPEK.

80. Pernakan lembu di ladang-ladang RISDA akan dipergiatkan lagi dengan sistem ragutan bebas dan bilangan lembu yang diternak akan melebihi 12,000 ekor. Projek Fidlot di Tasik Gelugor, P. Pinang akan ditambah dengan sistem ?Green Lotting? untuk memperoleh keuntungan supaya peserta dapat diberi dividen yang lebih.

81. ESPEK hendaklah terus memberi tumpuan kepada aspek mekanisasi dalam pungutan dan pengangkutan BTS serta pembajaan bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja ladang.

Kumpulan Kilang Sawit RISDA Sdn. Bhd. (KKSR)

82. Sebagai agen pengurusan kilang, fokus KKSR adalah untuk memperkuatkan pengurusan kilang dan mempertingkatkan prestasi 3 buah kilang sawit RISDA di bawah kelolaannya. Pengurusan KKSR perlu mengatur strategi bagi mendapatkan BTS (Buah Tandan Segar) yang bermutu dan mencukupi untuk memenuhi throughput kilang supaya kos memproses dapat dikurangkan setanding dengan kilang swasta.

83. Pengurus-Pengurus Kilang perlu meningkatkan kecekapan memproses BTS supaya kadar perahan minyak dan isirong adalah sejajar dengan norma industri. Kos penyenggaraan dan operasi kilang perlu dikawal bagi memastikan kilang beroperasi dalam keadaan menguntungkan. Pengurus Pemasaran hendaklah memastikan harga jualan MSM (Minyak Sawit Mentah) dan isirong adalah setanding atau lebih baik daripada harga purata MPOB.

RISDA Semaian Dan Lanskap Sdn. Bhd. (RSSB)

84. RSSB hendaklah terus memberi fokus kepada enam aktiviti utama iaitu :-

- i. Semaian benih getah dan sawit;
- ii. Pengeluaran biji cambah sawit;
- iii. Semaian hortikultur dan lanskap;
- iv. Pengurusan kontrak (lanskap dan sivil);
- v. Pembakaan ikan makan dan hiasan; dan
- vi. Pengurusan Ladang Biji Benih RISDA milik Skim 1959.

85. Sebanyak 19.3 juta benih getah dan 4.5 juta benih sawit perlu disediakan untuk kegunaan dalaman RISDA, RSPSB, ESPEK serta pasaran luar. Dalam hal ini, RSSB perlu melibatkan KPK dan kontraktor individu dalam penyediaan sebahagian daripada benih getah dan sawit tersebut.

86. Produk RSSB bagi enam aktiviti utama di atas akan dipasarkan melalui Pusat-Pusat Jualan yang telah ditubuhkan seperti di Kg. Awah, Pahang; Gading Galoh, Kelantan; Batu 17, Terengganu; Ipoh, Perak; Bandar Baru Bangi, Selangor; Alor Gajah, Melaka dan Pokok Sena, Kedah.

PROTAC Insurance Brokers Sdn. Bhd. (PROTAC)

87. PROTAC akan mengembangkan rangkaianya dalam industri broker insurans melalui kerjasama dengan syarikat insurans Takaful sebagai penanggung risiko utama. Syarikat juga

akan berusaha mencari peluang perniagaan daripada sektor korporat, badan-badan Kerajaan dan individu.

88. Dengan misi untuk menyediakan perkhidmatan broking insurans secara profesional, memberi produk berkualiti serta harga yang kompetitif, proses tuntutan yang cepat dan telus, PROTAC akan dapat memberi kepuasan kepada pelanggannya dan seterusnya meningkatkan prestasinya dalam tahun 2004.

Permodalan RISDA Berhad (PRB)

89. Dengan mengambil kira pasaran tempatan masih dilimpahi dengan kecairan dan jangkaan ekonomi global akan bertambah baik, pendapatan sesaham pada tahun ini dijangka meningkat dengan kadar purata 10.25 % dan ini memberi pendapatan sesaham sebanyak RM0.55 berbanding dengan RM0.50 bagi tahun 2003. Indeks Komposit dijangka akan berada pada paras 890 mata, iaitu peningkatan sebanyak 11.25 % pada tahun 2004.

90. Bagi kepentingan pekebun kecil, PRB perlu mengukuhkan mekanisme dan pengurusan pengagihan dividen RTBB. Aktiviti teras PRB, iaitu perkhidmatan pengurusan dana dan pengurusan pembiayaan perlu dipertingkatkan supaya pulangan balik modal kepada Anak Syarikat RISDA dapat dilaksanakan. Perkhidmatan ini memerlukan kecekapan dalam bidang teknologi maklumat, kewangan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia.

RISDA Smallholders Plantation Sdn. Bhd. (RSPSB)

91. RSPSB memegang teraju utama (Teraju 1-3) bagi RISDA mencapai MISI dan Objektifnya. Justeru, syarikat perlu memperkuuhkan jentera pelaksanaan projek agar manfaatnya dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Sehingga ini, RSPSB sedang menguruskan 1,357 projek yang terdiri dari TSK, Mini Estet dan EKAR melibatkan 29,729 orang dengan keluasan 77,182 hektar. RSPSB hendaklah mengeksplotasi potensi kawasan yang akan mengeluarkan hasil. Sehingga tahun 2004, dijangkakan projek TSK yang berhasil sebanyak 469 buah dengan keluasan 25,825 hektar. Bagi ketiga-tiga jenis projek tersebut, RSPSB akan mengeluarkan dividen berjumlah RM24.90 juta yang melibatkan seramai 13,132 orang.

92. RSPSB akan menambah fasa pembangunan projek tertentu di samping meningkatkan projek sedia ada. Ini sangat penting sebagai asas memantapkan peranan RSPSB sebagai integrator bagi 4 jenis ternakan. Kerjasama dengan agensi lain dan pihak swasta yang ada

hubungan dengan aktiviti tersebut perlu diperkuuhkan. Ini bukan sahaja mampu meningkatkan pendapatan pekebun kecil malah memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak mereka.

93. Bagi menjamin keluaran aktiviti perniagaan tani oleh RSPSB dan pekebun kecil dapat dipasarkan dengan baik dan menguntungkan, RSPSB perlu memastikan sistem penyampaian yang mantap, mempunyai outlet yang mencukupi dan berdaya maju.

RISDA Wood Sdn. Bhd. (RWSB)

94. Fokus RWSB adalah kepada dua aktiviti utama iaitu pemprosesan kayu PT/KD dan pembuatan komponen serta perabot. Kedua-dua aktiviti ini perlu berjalan seiringan supaya kawalan sumber terhad (kayu getah) dapat dimanfaatkan sepenuhnya. RWSB perlu menawarkan harga yang lebih kompetitif dan meningkatkan keberkesanan modus operandinya sebagai satu jaminan untuk mendapatkan konsesi kayu getah terutama daripada kawasan Program Tanam Semula RISDA.

95. Semua cawangan RWSB perlu menggerakkan aktiviti perniagaannya kepada aktiviti bercorak pembuatan seperti pengeluaran Kayu Green dan sebagainya yang boleh dijalankan melalui panel-panel yang dilantik di peringkat cawangan masing-masing.

96. Aktiviti Kilang RWSB Kuala Ketil perlu ditingkatkan dengan mempelbagaikan aktiviti intermediate seperti pengeluaran ?S 4 S?, pemprosesan komponen daripada pihak-pihak lain bagi meningkatkan operasi kilang ke tahap optimum demi meningkatkan perolehan dan keuntungan kilang. Seterusnya, aktiviti pemasaran perlu dipelbagaikan salurannya di peringkat dalam dan luar negeri.

Kolej RISDA Sdn. Bhd. (KRIS)

97. Kolej RISDA telah mengadakan Konvokesyen Kedua pada 31 Julai 2003 di mana seramai 888 orang pelajar telah dianugerahkan Sijil Sains Komputer (59 orang), Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 (641 orang) dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (188 orang). Kolej RISDA telah menawarkan tiga program akademi baru pada tahun 2003 iaitu Diploma Pertanian, Sijil Pengurusan Perniagaan dan Sijil Kemahiran Malaysia dalam bidang Sistem Kejuruteraan Komputer Tahap 4.

98. Kolej RISDA mensasarkan seramai 2,000 orang pelajar iaitu 1,000 orang di Kolej Melaka, 400 orang masing-masing di Kolej Pahang dan Kolej Kelantan dan 200 orang di Kolej Perak dalam tahun 2004. Program-program baru yang akan ditawarkan termasuklah Diploma

Keusahawan, Diploma Administrative Management, Diploma Perakaunan, Sijil Korporat/Business Communications, Rangkaian Komputer, Multimedia, Ternakan, Bakeri, Pendawaian Elektrik dan sebagainya. Bagi memenuhi dasar RISDA melalui Teraju 5, Kolej RISDA memberi keutamaan kepada anak-anak pekebum kecil dan masyarakat luar bandar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Dasar RISDA menetapkan sekurang-kurangnya 70 % daripada pelajar Kolej RISDA mestalah dari golongan ini.

RISDA Fleet Sdn. Bhd. (RFSB)

99. RISDA Fleet mempunyai teras perniagaan yang meliputi 5 aktiviti iaitu :-

- i. Aktiviti Kargo Rigid;
- ii. Aktiviti Kargo Am;
- iii. Aktiviti Tanker;
- iv. Aktiviti Bengkel;
- v. Aktiviti Perkapalan/Forwarding.

100. Perkembangan setiap aktiviti wajar mengikut kadar pulangan yang setimpal dengan modal yang dilaburkan. Bagi aktiviti kargo rigid dan am sebanyak 7 buah lori dan 2 buah lori treler akan diganti dan ditambah bagi menampung perkembangan perniagaan aktiviti tersebut. Bagi aktiviti bengkel pula, penubuhan bengkel baru sebagai tambahan dapat mengurangkan kos penyenggaraan kenderaan. Di samping pembaikan kenderaan syarikat, bengkel akan memberi perkhidmatan kepada kenderaan luar yang mana urus niaga alat ganti dapat berkembang pesat seiring dengan trend industri pengangkutan.

Unjuran Prestasi Perniagaan 2004

101. Syarikat Milikan/Anak Syarikat dijangka akan terus berkembang dalam tahun 2004 dengan dibantu oleh kemantapan ekonomi negara dengan andaian paras harga komoditi terus kukuh. Keuntungan sebelum cukai yang diunjurkan adalah seperti berikut :-

Syarikat	RM Juta
SHDC	0.60
ESPEK	2.60
KKSR	1.20
RSSB	3.20

PROTAC	0.40
PRB	2.00
RSPSB	5.10
RWSB	2.80
KRIS	3.20
RISDA Fleet	1.50
Jumlah	22.60

Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (NARSCO)

102. NARSCO sedang berusaha untuk meningkatkan urus niaga di kalangan Kumpulan Anak Syarikat RISDA dan juga sektor swasta. Usaha ini dijangka berhasil apabila kewangan NARSCO pulih seperti sedia kala dan pengagihan kontrak RISDA yang bernilai hampir RM50 juta setahun membolehkan NARSCO secara beransur-ansur mengatasi masalah yang dihadapi.

103. Di samping itu, perolehan NARSCO dalam tahun 2004 dijangka sebanyak RM97 juta dengan unjuran keuntungan sebanyak RM3.6 juta. NARSCO menaruh harapan segala usaha untuk mendapat suntikan kewangan/pinjaman mudah dari pihak Kerajaan akan berjaya bagi membiayai modal pusingan perniagaan ini. Insya Allah dengan keyakinan serta sokongan yang berterusan dari RISDA dan Anak Syarikat, NARSCO akan kembali pulih semula sebagai sebuah koperasi yang setanding dengan koperasi yang berdaya maju di negara ini.

Inspektorat Dan Audit Dalam (BIAD)

104. Peranan BIAD adalah untuk membantu RISDA mengkaji perjalanan organisasi dan pelaksanaan program pembangunan supaya dilaksanakan secara efektif, penggunaan sumber-sumber secara efisien serta mendatangkan hasil selaras dengan objektif yang ditentukan. BIAD juga menilai tahap kejayaan sistem kawalan dalaman bagi mencegah berlaku fenomena negatif yang akan menghalang atau melambatkan kejayaan. BIAD akan menggunakan kaedah ?Risk Based? dalam audit bagi tahun 2004. Audit ke Anak syarikat akan diperluaskan lagi bagi memastikan kawalan dalaman yang lebih mantap. BIAD akan membuat audit bagi memastikan pelaksanaan program dan aktiviti PT ke arah zero defect.

Program Agama, Kebajikan, Sosial Dan Sukan

105. Selain daripada aktiviti rasmi, RISDA juga memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti berbentuk keagamaan, sukan, kebajikan dan sosial supaya wujud keseimbangan dalam program dan aktiviti organisasi.

Majlis Badan-Badan Islam RISDA Malaysia (MAJLIS)

106. MAJLIS akan terus memberi sumbangan dan bekerjasama bagi menerapkan nilai-nilai Islam yang murni di kalangan warga RISDA. Program-program yang akan diatur termasuklah :

- i. Menganjurkan Konvensyen Badan-Badan Islam RISDA yang memberi tumpuan kepada penghayatan Al-Quran dan As-Sunnah.
- ii. Menyelaras Kursus Hafazan Al-Quran di Ibu Pejabat dan negeri.
- iii. Mengatur program bagi menyambut Hari-Hari Kebesaran Islam.
- iv. Menganjurkan siri ceramah bagi meningkatkan pengetahuan dan penghayatan Islam.
- v. Menganjurkan kerja amal termasuk pengagihan sumbangan zakat dan bantuan kepada warga miskin, warga tua dan anak yatim.

Majlis Sukan Dan Kebudayaan RISDA

107. Majlis Sukan & Kebudayaan RISDA akan terus menjalankan aktiviti sukan dan kebudayaan dengan sokongan RISDA, Anak-Anak Syarikat, NARSCO dan lain-lain. Dua aktiviti besar yang dijangka akan dilaksanakan dalam tahun 2004 ialah penglibatan dalam Kejohanan Sukan Badan-Badan Berkanun dan menganjurkan Pesta Sukan Kebangsaan RISDA Kali Ke-13.

Tabung Kebajikan Kakitangan RISDA (TKKR)

108. Usaha untuk membantu ahli dari segi kebajikan akan terus dilaksanakan kerana ia merupakan komitmen RISDA untuk memastikan segala kemudahan/faedah kepada ahli disediakan. Dalam tahun 2003 (setakat Disember) TKKR telah meluluskan pinjaman di bawah Skim Pembiayaan bernilai RM1,560,233 dan Skim Bantuan bernilai RM30,240. Program ini akan diteruskan dalam tahun 2004.

Skim Khairat Kematian RISDA (SKKR)

109. SKKR akan diteruskan kerana ia bertujuan untuk memberi sumbangan khairat kematian kepada ahli serta keluarga yang terdekat sekiranya berlaku kematian. Tempoh perlindungan yang diberi adalah untuk satu tahun yang bermula 1 Mei dan berakhir 30 April setiap tahun. Bagi perlindungan tahun 2003, SKKR mempunyai seramai 6,178 ahli termasuk 31 orang pesara RISDA.

110. Jumlah minimum untuk pampasan kematian ahli adalah RM5,000 dan had maksimum RM250,000. Jumlah pampasan yang mendapat sambutan paling tinggi adalah RM10,000 dengan keahliannya seramai 2,716 orang. Untuk tahun 2004, Pengurusan mengharapkan lebih ramai lagi staf yang akan menyertai skim ini.

Skim Hospital Dan Pembedahan Berkelompok (SHPB)

111. Skim ini akan diteruskan memandangkan ia memberi perlindungan secara berkelompok dan ahli memperoleh kadar premium yang masih rendah (walau pun dengan kenaikan) yang tidak mungkin diperoleh secara individu.

112. Atas hakikat ini, Pengurusan telah menaikkan lagi kadar sumbangan RISDA dari RM6.00 kepada RM10.00 seorang sebulan dan memberi peluang kepada ahli untuk memilih pelan mengikut kemampuan. Kenaikan ini melibatkan pertambahan peruntukan daripada RM356,832 kepada RM594,720 setahun iaitu kenaikan 66.7 %. Tindakan ini adalah semata-mata untuk membantu meringankan bebanan kewangan semua lapisan pegawai dan staf yang ingin mendapatkan perkhidmatan perubatan secara alternatif di hospital pakar.

Persatuan Suri Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA)

113. Penglibatan ahli dalam aktiviti Puspanita RISDA amatlah digalakkan untuk memupuk semangat kekitaan atau team work dalam usaha meningkatkan produktiviti organisasi. Seperti tahun-tahun lepas, aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan termasuklah dalam bidang pendidikan, lawatan sambil belajar, kebajikan, kemahiran/masakan dan kebudayaan/sukan.

Penutup

114. Pegawai dan staf RISDA hendaklah menghayati saranan Y.A.B. Perdana Menteri supaya semua pihak ?Bekerja bersama saya, bukan bekerja untuk saya?. Ke arah ini kita hendaklah

bekerja sebagai satu pasukan yang mantap dan berusaha sebaik mungkin melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

115. Pegawai dan staf RISDA hendaklah menghayati saranan Y.B. Menteri KPLB supaya kita memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan di samping jelas siapa pelanggan kita. Sudah tentulah pelanggan utama RISDA ialah masyarakat pekebun kecil dan penduduk luar bandar. Dalam setiap aktiviti pembangunan yang dijalankan, RISDA hendaklah berusaha meningkatkan penglibatan pekebun kecil. Kita hendaklah akur bahawa matlamat penubuhan agensi ini iaitu meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat pekebun kecil.

116. Pegawai dan staf RISDA hendaklah menghayati saranan Y.Bhg. Dato' Pengurus RISDA supaya dalam semua tindak tanduk kita hendaklah menjurus kepada memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pekebun kecil. Akhirnya segala aktiviti kita hendaklah memberi manfaat dan pulangan kepada mereka.

117. Kerajaan mengamalkan pendekatan pembangunan yang mesra rakyat. Oleh itu semua lapisan pegawai dan staf RISDA termasuk Anak-Anak Syarikat perlu mewujudkan suasana ingin menolong dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelanggan. Ke arah ini, red-tape dan kerentak birokrasi hendaklah dikurangkan. Mana-mana peraturan dan prosedur yang ketinggalan zaman hendaklah dihapuskan dan digantikan dengan kaedah yang mudah dan memberi kepuasan kepada kumpulan Sasaran. Kemudahan ICT yang ada hendaklah digunakan sepenuhnya untuk mempercepatkan proses kerja sesuai dengan era globalisasi dan liberalisasi sekarang.

118. Dalam senario harga komoditi getah dan sawit yang tinggi, RISDA hendaklah mengambil kesempatan dengan memastikan produktiviti ladang pekebun kecil dan RISDA ditingkatkan ke tahap optimum supaya mendapat pulangan yang terbaik. Pekebun kecil mestilah digalakkan menggunakan teknologi LITS supaya penghasilan dapat ditingkatkan. Khidmat pengembangan hendaklah diperhebatkan agar pekebun kecil sanggup menggunakan atau meneruskan teknologi LITS dengan kewangan sendiri atau mendapatkan pinjaman sama ada dari KPK atau Bank Pertanian Malaysia. Di samping itu, kawalan harus dipertingkatkan supaya tidak berlaku kebocoran hasil.

119. Dengan lengkapnya prasarana projek-projek ekonomi melibatkan keempat-empat sektor, pelaksanaan projek-projek ekonomi di peringkat pekebun kecil hendaklah ditingkatkan selaras dengan hasrat Y.B. Menteri supaya manfaat program/projek ini dinikmati oleh masyarakat luar bandar. Bidang-bidang baru yang diceburi seperti ternakan ikan tilapia, kambing boer, burung unta, ayam kampung kacukan dan lain-lain akan menjadi sumber kekayaan baru kepada

pekebun kecil yang sanggup membanting tulang dan memerah keringkat demi meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

120. Akhir sekali, RISDA berharap dengan perancangan rapi yang telah diatur dan pelaksanaan yang terkawal di peringkat lapangan, pekebun kecil yang menyertai program-program RISDA akan dapat mencapai MISI dan Objektif memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan sekeluarga sesuai dengan tema Menjana Sumber Kekayaan Baru Bagi Pekebun Kecil.

Selamat bertugas, terima kasih.

Ibu Pejabat RISDA,

Kuala Lumpur.

20 Januari 2004